



TUNKU ISMAIL SULTAN IBRAHIM diiringi oleh Mohamed Khaled Nordin (kiri) berkenan bersalaman dengan jemaah di Masjid Bandar Permas Jaya semasa mencermati duli merasmikan masjid tersebut di Bandar Permas Jaya, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN

20 masjid baharu bakal dirasmi

JOHOR BAHRU 3 April – Sebanyak 20 buah masjid baharu akan dirasmikan di seluruh negeri ini pada tahun ini dalam usaha meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan umat Islam menunaikan ibadah mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, Abd. Mutalip Abd. Rahim berkata, masjid baharu tersebut dibangunkan sama ada dengan menaik taraf masjid sedia ada atau dipindahkan ke lokasi lain yang lebih sesuai.

“Usaha membina dan menaik taraf masjid-masjid baharu ini lebih tertumpu kepada kawasan kediaman yang selari dengan pertukaran cuti hujung minggu kepada Jumaat dan Sabtu.”

“Ini kerana masjid-masjid yang berada di kawasan kediaman semakin menjadi tumpuan, khususnya untuk solat Jumaat,”



Usaha membina dan menaik taraf masjid-masjid baharu ini lebih tertumpu kepada kawasan kediaman yang selari dengan pertukaran cuti hujung minggu kepada Jumaat dan Sabtu.”

ABD. MUTALIP ABD. RAHIM
Pengerusi Jawatankuasa
Agama negeri

katanya ditemui selepas menghadiri Majlis Perasmian Masjid Bandar Permas Jaya, di sini hari

ini.

Masjid tersebut dirasmikan oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Baginda yang diiringi Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim turut menunaikan solat Jumaat bersama-sama masyarakat setempat.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latiff Bandi; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Ismail Karim dan Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Datuk Nooh Gadot.

Masjid tersebut siap dibina pada tahun 2013 dengan kos RM3.2 juta dan mampu memuatkan sehingga 1,200 jemaah pada satu-satu masa.